



Headline: Pelajar IPTA rugi RM31,500 diperdaya 'James'
Publication/Portal: Kosmo
Date: 22 August 2019
Language: Malay
Section: Negara
Page: 2

Pelajar IPTA rugi RM31,500 diperdaya 'James'

KUALA TERENGGANU - Seorang penuntut sebuah institusi pengajian tinggi tempatan di sini kerugian RM31,500 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan Macau Scam baru-baru ini.

Mangsa perempuan itu dikatakan telah menyerahkan wang tunai RM1,000 miliknya selain menggadai barangan kemas bernilai keseluruhan RM30,500 hanya kerana terpengaruh dengan suspek dikenali sebagai 'James'.

Sumber berkata, mangsa sebelum itu telah menerima

mesej daripada 'James' menerusi aplikasi Instagram pada pukul 6.45 petang, 23 Jun lalu.

"Suspek mendakwa terdapat bungkus yang sepatutnya dikirim kepada mangsa dari luar negara, namun telah disekat Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

"Dia meminta mangsa membayar 'cukai kastam' sebanyak RM3,500 untuk melepaskan barangan terse-



HAMDAN

but. Pelajar perempuan itu yang panik telah memasukkan wang tunai RM1,000 ke dalam akaun bank diberikan suspek," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sumber memberitahu, mangsa yang takut akan ditahan pihak berkuasa kemudiannya bertindak menggadai sebahagian barang kemasnya sebelum

menyerahkan kepada suspek menerusi empat transaksi.

Beliau berkata, pelajar perempuan terbabit hanya menyedari dia tertipu selepas kerugian RM31,500 sebelum membuat laporan di sebuah balai polis di bandar raya ini pada 14 Ogos lalu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Deputy Superintendan Hamdan Zali mengesahkan kes tersebut yang sedang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.